

Pak Lah dilantik secara rasmi Timbalan Pengerusi Barisan Nasional

UM 23 OCT 2007

KUALA LUMPUR 22 Okt. — Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini dilantik secara rasmi sebagai Timbalan Pengerusi Barisan Nasional (BN).

Pelantikan tersebut dibuat selepas BN meminda perlembagaannya pada mesyuarat agung Dewan Tertinggi parti itu di Ibu Pejabat UMNO di sini hari ini.

Pengerusi BN, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pelantikan tersebut dibuat memandangkan BN selama ini tidak mempunyai Timbalan Pengerusi.

Katanya, ketiadaan jawatan tersebut menyebabkan timbul kesukaran apabila beliau tidak dapat hadir untuk mempengerusikan mesyuarat BN.

“Timbalan Pengerusi yang dipersetujui ialah Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Apabila saya tidak hadir di sini, mesyuarat tidak perlu melantik pengerusi. Itu keputusan

kita untuk pinda perlembagaan,” katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat tersebut.

Dr. Mahathir memberitahu, pindaan itu juga akan melibatkan penubuhan Pergerakan Pemuda dan Wanita BN.

Sementara itu, Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat ketika ditemui berkata, Dewan Tertinggi parti itu bersetuju meminda tiga perkara dalam perlembagaannya.

Tiga perkara tersebut kata beliau, ialah mewujudkan jawatan Timbalan Pengerusi BN, penubuhan Pergerakan Pemuda dan Wanita BN dan keahlian bersekutu.

Pada masa ini jelasnya, BN hanya mempunyai jawatan pengerusi yang disandang oleh Dr. Mahathir dan naib-naib pengerusi yang dipegang oleh presiden-presiden parti komponen.

“Dalam fikiran Perdana Menteri, Abdullah layak untuk memegang jawatan Timbalan Pengerusi,” katanya.

Bagaimanapun menurut beliau, cadangan mewujudkan keahlian bersekutu digugurkan apabila tidak mendapat persetujuan sebulat suara daripada parti-parti komponen.

Mohamed memberitahu, BN pada awalnya bercadang melantik Parti Barisan Kemajuan India Se-Malaysia (IPF) dan beberapa pertubuhan lain yang menerima perjuangan dan mampu memberi sumbangan kepada BN, sebagai ahli bersekutu BN.

“Tapi bila kita sebut IPF, MIC melenting,” katanya.

Beliau menambah, mesyuarat Dewan Tertinggi BN hari ini membincangkan dua perkara iaitu isu pelaksanaan pengajaran bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan Matematik dan pindaan perlembagaan BN.